

2

NEGARA!

kosmo
6/7/15
mls 2

Ibu tiga anak maut dalam nahas ngeri ketika berkonvoi sahur di Port Dickson

Isteri putus kepala, suami hilang tangan

PORT DICKSON - Seorang ibu berusia 39 tahun menemui ajal dalam keadaan ngeri dengan kepalanya terputus selepas motosikal berkuasa tinggi dinaiki mangsa bersama suaminya ketika menyertai konvoi sahur terbabas di Kilometer 14.2 Lebuhraya Seremban-Port Dickson semalam.



NOR AZINA

Dalam nahas pukul 4 pagi itu, Nor Azina Mohd. Rati yang dipercayai tertidur secara tidak sengaja mengheret motosikal yang ditunggangi suaminya, Shamasrol Abu Bakar, 36, ke kiri lebuhraya menyebabkan leher wanita itu terseret di atas besi penghadang jalan sehingga kepalanya terputus.

Shamasrol yang cedera parah terputus tangan kiri selepas turut merempuh besi penghadang jalan tersebut.

Mangsa yang bekerja sebagai penghantar surat kini dirawat di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban.

Kedua-dua mangsa yang menaiki motosikal jenis Naza Blade GT600 berharga RM25,000 dikatakan dalam perjalanan menuju ke Kuala Lumpur selepas menyertai konvoi sahur bersama 10 motosikal lain di pusat perancangan itu.



ANGGOTA polis trafik mengangkat motosikal Naza Blade GT600 yang dinaiki Nor Azina bersama suaminya selepas terbabas di Kilometer 14.2 Lebuhraya Seremban-Port Dickson semalam.

SHAHJUEHAN MAAMIN



KEPALA Nor Azina yang terputus tercampak di atas jalan selepas terseret pada besi penghadang lebuhraya sewaktu pulang daripada konvoi sahur di Port Dickson semalam.



TIGA anak mangsa (dari kanan) Irdina Safura, 9, Iffat Syafwan, 16 dan Iffah Syahrina, 13, ketika ditemui di rumah mereka di Petaling Jaya semalam.

olah mengetahui ajalnya hampir tiba.

"Beberapa minit sebelum kejadian, saya terdengar perbualan Kak Ina (Nor Azina) berkata, 'Kalau mak tidak ada, tidak mengapa kan' sebelum pasangan itu terlibat dalam nahas tersebut," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut Izzaty yang turut menyertai konvoi berkenaan, ekspedisi mereka yang disertai 12 orang tiba di Port Dickson sekitar pukul 2.30 pagi selepas ber-



buka puasa di Putrajaya.

Mereka kemudian bersahur di Port Dickson sebelum bertolak pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 3 pagi.

Katanya, mereka berhenti mengisi minyak di Petronas Port Dickson pada pukul 3.45 pagi dan dia terdengar Nor Azina memberitahu dia mengantuk.

Dalam pada itu, siasatan polis mendapati, kemalangan tersebut hanya melibatkan sebuah motosikal.

Kenderaan itu terbabas di kiri

jalan akibat pembonceng mengantuk, lalu mangsa mengereng ke kiri menyebabkan motosikal ditunggang suaminya hilang kawalan sebelum melanggar tepi kiri besi penghadang jalan.

Kepala mangsa yang terputus dikatakan bergolek ke kanan lebuhraya kira-kira 10 meter dari tempat nahas.

Jenazah mangsa dibawa ke Masjid Datuk Haji Kamaruddin di Petaling Jaya, Selangor untuk disemahyangkan dan dikuburkan di Tanah Perkuburan

INFO Kemalangan motosikal berkuasa tinggi

● **17 Mei 2015** - Penyelia kilang maut apabila motosikal berkuasa tinggi yang ditunggangi terbabas sebelum dirempuh bas ekspres dan terbakar di Batu 8, Jalan Ayer Hitam-Kluang, Johor Bahru.

● **19 Januari 2015** - Seorang lelaki maut dan seorang lagi cedera parah dalam satu kemalangan membabitkan dua buah motosikal berkuasa tinggi berhampiran Bukit Tinggi, Bentong, Pahang.

● **19 Oktober 2014** - Seorang penunggang anggota kelab motosikal berkuasa tinggi maut, manakala dua rakannya cedera parah dan seorang lagi cedera ringan selepas mereka terbabit dalam kemalangan sesama sendiri di Kilometer 26.4, Lebuhraya Karak berhampiran Plaza Tol Gombak, Selangor.

● **23 April 2011** - Seorang penunggang motosikal berkuasa tinggi, Ang Mia Soon Steven, 29, maut ketika menuruni bukit di Kilometer 257.1 Lebuhraya Utara-Selatan, Ipoh, Perak.

Islam Kota Damansara selepas Asar semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintenden Baharudin Mustapha ketika dihubungi mengesahkan kejadian tersebut. Kes disiasat di bawah Seksyen 41, Akta Pengangkutan Jalan 1987.